

# WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.  
SALMIAH  
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB  
CANSELOR  
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN  
PKS & KEUSAHAWANAN  
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

# KEM BINA USAHAWAN SISWA

DEWAN KULIAH 1 MASMED, KOMPLEKS USAHAWAN

## KEBUSS 1.0

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat sejahtera, Salam UITM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Terlebih dahulu marilah kita merafakkan setinggi-tinggi tahmid kesyukuran ke hadrat Tuhan Yang Maha Rahman, dengan limpah dan kurnian-Nya mengizinkan kita berkumpul di Kem Bina Usahawan Siswa (KEBUSS) 1.0 yang dianjurkan oleh Pusat Keusahawanan Mahasiswa (PKM) MASMED, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Saya amat berbesar hati dapat bersama-sama dalam program yang penuh bermakna ini.

Saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Pelaksana Kem Bina Usahawan Siswa (KEBUSS) 1.0 yang diterajui oleh Dr. Mohamad Idham Haji Md Razak, Koordinator MASMED kerana telah memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program ini. Sememangnya beliau seorang insan yang progresif dan komited dengan tanggungjawabnya.

### LATAR BELAKANG KEBUSS 1.0

Hadirin yang saya muliakan,

Izinkan saya untuk memberikan pengenalan ringkas berkaitan program KEBUSS 1.0 ini. Program KEBUSS ini adalah satu inisiatif penting dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai usahawan siswa yang bukan sahaja berpengetahuan tetapi juga mempunyai jati diri keusahawanan yang mantap. Ini adalah sebahagian daripada visi kita di MASMED untuk menyokong agenda "Universiti Keusahawanan", selaras dengan aspirasi kerajaan dalam membina generasi usahawan yang berdaya saing dan bersedia untuk menghadapi cabaran global.



# UNIVERSITI KEUSAHAWANAN

## “Memperkasakan ekosistem keusahawanan siswa”

UTM sentiasa komited untuk menyediakan platform yang menyeluruh bagi pelajar-pelajar mencuburi bidang keusahawanan. MASMED sendiri telah menjalankan pelbagai program latihan keusahawanan sejak penubuhannya pada tahun 1975, dan KEBUSS 1.0 ini adalah satu lagi usaha penting untuk memperkasakan ekosistem keusahawanan di kalangan mahasiswa kita.

Dalam dunia yang semakin mencabar ini, kita perlu memastikan bahawa pelajar bukan sahaja mempunyai pengetahuan akademik tetapi juga kemahiran insaniah dan kebolehan praktikal yang tinggi. Oleh itu, KEBUSS 1.0 bertujuan untuk menyediakan ruang kepada pelajar untuk mengembangkan kemahiran kepimpinan, pengurusan masa, dan kreativiti mereka, yang amat penting dalam menjadi seorang usahawan yang berjaya.

Program ini juga sejajar dengan matlamat kita untuk mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan staf dalam pelaksanaan program-program keusahawanan MASMED. Usaha ini bukan sahaja akan meningkatkan visibiliti MASMED, tetapi juga menyumbang kepada pencapaian KPI keusahawanan kita di peringkat universiti dan nasional.

### PENGLIBATAN TECHNOPRENEUR CLUB DAN PELAJAR INKUBATOR

Para pelajar dan hadirin yang dihormati sekalian,

Saya difahamkan bahawa program ini turut melibatkan pelajar dari Technopreneur Club dan pelajar Inkubator MASMED, di mana mereka akan berpeluang untuk mempelajari asas keusahawanan secara praktikal melalui pelbagai aktiviti yang telah dirancang. Saya berharap agar pelajar yang terlibat dapat mengambil peluang ini untuk mengembangkan kemahiran mereka dan menerapkan nilai keusahawanan dalam diri.

Seterusnya, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Technopreneur Club MASMED serta pelajar Inkubator yang menyertai program ini. Penglibatan anda semua membuktikan komitmen untuk terus membangunkan ekosistem keusahawanan yang sinergi di UTM. Minda keusahawanan adalah elemen penting yang memainkan peranan utama dalam pertumbuhan ekonomi serta perkembangan masyarakat setempat. Semua individu, khususnya siswazah, perlu dipersiapkan dengan pemikiran yang membolehkan mereka melihat peluang, mengurus risiko, dan bertindak proaktif dalam merangka dan melaksanakan idea perniagaan.





# “Memperkasakan Jaringan kolaborasi”

Pada masa yang sama, saya ingin menekankan kepentingan kerjasama antara universiti dan industri dalam membangunkan potensi keusahawanan pelajar. Melalui kolaborasi ini, kita dapat memastikan bahawa pelajar-pelajar kita mendapat pendedahan yang relevan dan bersedia untuk menjadi usahawan yang berdaya maju.

## HARAPAN, UCAPAN TAHNIAH DAN PENUTUP BICARA

Para pelajar serta hadirin yang saya kasihi sekalian,

Saya berharap juga agar lebih banyak program bermanfaat sebegini dijalankan pada masa hadapan bagi memperkasakan jaringan kolaborasi tidak kira 'local' mahupun peringkat antarabangsa. Teruskan dengan program sebegini dengan lebih agresif lagi kerana kita tahu program sebegini selalunya akan menghasilkan peluang positif untuk siswazah dan bakal usahawan.



Sebelum mengakhiri ucapan saya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada jawatankuasa penganjur yang telah bertungkus-lumus dalam menyayakan program KEBUSS 1.0 ini. Saya yakin bahawa program ini akan memberi impak yang besar kepada para pelajar dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi dan keusahawanan negara. Semoga usaha dan sumbangan kita hari ini mendapat kerdhaan Allah Subhanahu Wa T'ala.

**Memancing ikan di tepi kali,  
Sayangnya umpan tak menjadi-jadi,  
Sempurna sudah majlis dirai,  
Salah dan silap harap dimaafi.**



Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim...saya dengan ini merasmikan program Kem Bina Usahawan Siswa (KEBUSS) 1.0 pada kali ini. Semoga program ini berjalan dengan lancar dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah  
Wasalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh. Terima kasih.

# Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan  
Keusahawan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



[korporatmasmed@uitm.edu.my](mailto:korporatmasmed@uitm.edu.my)



Kompleks Usahawan, UiTM

A photograph of a modern building facade with a sign that reads 'KOMPLEKS USAHAWAN'. The building has a white facade with decorative perforated panels and a dark tiled roof. The sign is in large, bold, blue letters.

**KOMPLEKS  
USAHAWAN**